

19 AUG 1999

Mahathir-Persahabatan

DR MAHATHIR YAKIN BIDANG KERJASAMA MALAYSIA-CHINA BERTAMBAH LUAS DI ALAF BARU

Oleh: Ali Mamat

BEIJING, 19 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin alaf baru akan menyaksikan bidang kerjasama antara Malaysia dan China akan menjadi bertambah luas.

Bidang-bidang baru itu boleh diterokai dengan lebih berkesan lagi dengan wujudnya "Kenyataan Bersama Untuk Rangka Kerjasama Dua Hala Di Masa Hadapan" yang ditandatangani oleh Menteri Luar kedua-dua negara 31 Mei lepas.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap dalam Bahasa Malaysia pada jamuan malam sempena Sambutan 25 Tahun terjalannya hubungan diplomatik antara Malaysia dan China, di sini.

Perayaan yang diserikan dengan pelbagai pertunjukan kebudayaan kedua-dua negara itu dianjurkan bersama oleh Persatuan Persahabatan Malaysia-China dan China-Malaysia.

Menurut Dr Mahathir, pada peringkat awal hubungan rasmi itu, kerjasama Malaysia-China hanya terhad kepada bidang perdagangan.

Bagaimanapun, ia sekarang telah merangkumi bidang pelaburan, pendidikan, pelancongan dan perkhidmatan udara.

Beliau menggesa kedua-dua persatuan persahabatan itu supaya meningkatkan lagi program pertukaran dua hala dan lawatan kerana ia boleh membantu kedua-dua pihak memahami antara satu sama lain dengan lebih baik.

Naib Perdana Menteri China Qian Qichen ketika berucap dalam bahasa Mandarin berkata, sejak 25 tahun yang lepas, Malaysia dan China terus berpegang teguh kepada prinsip hidup bersama secara aman sebagai asas kepada perhubungan dua hala.

Selain rakyat, katanya, pemimpin kedua-dua negara juga amat kerap bertukar kunjungan bagi mempererat lagi persaudaraan.

Presiden Jiang Zemin umpamanya telah tiga kali melawat Malaysia manakala Dr Mahathir pula telah lima kali ke China.

-- Bernama

am mai